

Pendapat Dr M jadi thesis

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

KUALA LUMPUR, Rabu — Seorang penuntut Malaysia yang sedang mengikuti pengajian doktor falsafah anthropologi politik di sebuah universiti Perancis bercadang untuk menjadikan bahan pemikiran politik Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai sebahagian daripada thesisnya.

Haji Hussein Mohd Nor, 38, berkata di sini, hari ini suatu lagi bahagian thesisnya ialah mengenai Umno di Pulau Pinang, negeri asalnya.

Haji Hussein yang sedang bercuti empat bulan berkata, beliau bercadang membukukan segala dasar Perdana Menteri itu mengenai permodenan dan pembangunan Malaysia.

Pemikiran

Menurut beliau, pemikiran politik Perdana Menteri dalam membimbing pembangunan menarik minat akademik yang luas.

Beliau yang berasal dari Kampung Pertama, Permatang Pauh berkata, para pelajar Perancis dalam kelasnya mengikuti perkembangan kerjaya politik Dr Mahathir dengan penuh minat.

Haji Hussein yang juga anggota Jawatankuasa Pusat Kelab Umno Paris berkata, beliau berharap akan mendapat persetujuan Perdana Menteri untuk menyediakan thesisnya itu. — Bernama.